Perlindungan Data

Keterterapan

Dasar Perlindungan Data ("Dasar") ini digunapakai ke atas GXO Logistics, Inc., termasuk semua anak syarikatnya, bahagian, dan entiti operasi yang lain (kolektifnya, "GXO" atau "Syarikat"). Semua pengarah, pegawai dan pekerja GXO dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami, adalah tertakluk pada dan bertanggungjawab terhadap mematuhi keperluan Dasar ini. Sebagaimana yang digunakan dalam Dasar ini, istilah "Syarikat" perlu dibaca untuk melibatkan semua individu dan entiti yang tertakluk kepada Dasar ini.

1. Gambaran Keseluruhan

GXO mengumpul dan memelihara Maklumat Sulit, Hak Milik Intelektual dan Data Peribadi semasa menjalankan operasinya. Data ini dikumpul daripada pekerja, pelanggan, pembekal dan pihak ketiga lain. Pengurusan data yang betul adalah kritikal untuk mengekalkan kepercayaan semua pihak yang kita berniaga. Syarikat komited kepada mematuhi semua undang-undang privasi data dan perlindungan data yang berkaitan, di mana saja kita berniaga.

Jika undang-undang yang berkuat kuasa berbeza daripada atau mempunyai keperluan yang lebih ketat daripada Dasar ini, undang-undang yang berkaitan mengatasi. Dasar ini bukan bertujuan untuk mewujudkan sebarang hak atau kewajipan tambahan selain daripada yang ada di bawah undang-undang yang berkaitan.

2. Definisi

2.1. **Syarikat:** GXO Logistics dalam semua bentuk perniagaannya, para pekerja GXO, dan semua pihak lain sebagaimana yang ditakrifkan di bawah "Keterterapan."

2.2. **Maklumat Sulit:** Maklumat, dalam apa-apa bentuk, yang tidak diterbitkan atau tersedia kepada orang awam. Maklumat Sulit boleh merangkumi rancangan perniagaan, senarai pelanggan, data penentuan harga, maklumat proses atau kepakaran syarikat.

2.3. **Subjek Data:** Seseorang individu yang daripada Data Peribadi atau data lain dikumpulkan.

2.4. **Hak Milik Intelektual:** Harta tak ketara iaitu hasil daripada pengetahuan manusia. Hak Milik Intelektual mungkin bersifat konkrit (contohnya, kerja-kerja yang berhak cipta, tanda dagangan yang boleh dilindungi atau rekaan yang boleh dipatenkan), atau abstrak (contohnya, rahsia atau idea perdagangan).

2.5. **Data Peribadi:** Maklumat, dalam apa-apa bentuk, yang boleh digunakan, secara sendiri atau bersama maklumat lain, untuk mengenal pasti seseorang individu. Bergantung pada bidang kuasa, Data Peribadi boleh termasuk nama, nombor keselamatan sosial atau nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, nombor lesen pemandu atau pasport, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, nombor akaun kewangan, kata laluan atau PIN, data biometrik atau kesihatan yang unik, atau jawapan kepada soalan keselamatan yang akan membolehkan akses kepada akaun kewangan seseorang.

3. Standard Kelakuan: Data Peribadi

3.1. **Pengumpulan:** Pengumpulan Data Peribadi adalah terhad kepada data yang diperlukan untuk menjalankan operasi Syarikat dan dikumpulkan melalui kaedah yang sah dan munasabah. Syarikat hendaklah menyediakan notis yang sesuai kepada Subjek Data tentang tujuan pengumpulan Data Peribadi ini.

3.2. **Penggunaan:** Melainkan dibenarkan oleh undang-undang atau dipersetujui oleh Subjek Data, Syarikat hendaklah mengehadkan penggunaan Data Peribadinya kepada tujuan Data Peribadi ini dikumpulkan sahaja.

3.3. **Mutu dan Pengekalan:** Syarikat akan melaksanakan langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi yang dikumpulkan dan disimpan oleh Syarikat adalah tepat dan mutakhir. Data peribadi akan diarkib, dipadamkan atau dimusnahkan apabila ia tidak lagi diperlukan bagi tujuan sah atau dikehendaki disimpan menurut undang-undang.

3.4. **Keselamatan:** Syarikat hendaklah menggunakan kawalan teknik dan organisasi yang munasabah untuk melindungi semua Data Peribadi dalam pemilikannya daripada pendedahan yang tidak wajar, akses atau penggunaan tanpa izin, kemusnahan atau kerugian.

3.5. **Pendedahan:** Syarikat tidak akan mendedahkan atau berkongsi Data Peribadi dengan mana-mana orang atau entiti lain melainkan pendedahan dibenarkan oleh undang-undang atau dipersetujui oleh Subjek Data.

3.6. **Hak Subjek Data:** Syarikat akan menyediakan kepada Subjek Data hak yang sewajarnya untuk mengakses, membetulkan dan memadamkan Data Peribadi yang dimiliki oleh Syarikat berkenaan Subjek Data itu.

3.7. **Pelaporan Pelanggaran Data:** Syarikat hendaklah melaporkan sebarang pelanggaran data yang

©2021 GXO. Hak Cipta Terpelihara

melibatkan Data Peribadi kepada pihak-pihak yang dikehendaki dan dalam tempoh masa yang diperlukan, sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan.

4. Standard Kelakuan: Maklumat Sulit dan Hak Milik Intelektual

4.1. Pendedahan: Syarikat hendaklah hanya mendedahkan Maklumat Sulit atau Hak Milik Intelektual, secara dalaman atau luaran, atas dasar "perlu tahu" dan mengikut keperluan operasi perniagaan. Maklumat seperti ini hanya boleh dikongsi dengan orang luar apabila langkah-langkah perlindungan yang wajar, seperti perjanjian tanpa pendedahan, telah diwujudkan.

4.2. Keselamatan: Syarikat hendaklah menggunakan langkah-langkah teknikal dan organisasi yang munasabah untuk melindungi semua Maklumat Sulit dan Hak Milik Intelektual daripada pendedahan yang tidak wajar, akses atau penggunaan tanpa izin, kemusnahan atau kerugian.

4.3. Pengekalan: Tertakluk pada undang-undang pengekalan data yang berkaitan, Syarikat akan mengarkib, memadam, atau memusnahkan Maklumat Sulit apabila ia tidak lagi diperlukan bagi tujuan sah.

4.4. Kewajipan Berterusan: Semua individu yang tertakluk pada Dasar ini mempunyai kewajipan berterusan untuk tidak mendedahkan Maklumat Sulit dan Hak Milik Intelektual Syarikat selepas meninggalkan Syarikat.

5. Melaporkan

Semua individu yang tertakluk pada Dasar ini hendaklah melaporkan pelanggaran data sebenar atau disyaki, dan/atau sebarang salah laku atau pelanggaran berpotensi Dasar ini dan/atau undang-undang privasi data yang berkaitan dengan serta-merta. GXO tidak membenarkan tindakan balas terhadap kepada mana-mana individu, yang berniat baik, melaporkan sebarang kebimbangan, salah laku, dan/atau pelanggaran berpotensi dasar Syarikat atau undang-undang yang berkaitan.

Laporan boleh diserahkan terus kepada Pejabat Etika dan Pematuhan di ethics@gxo.com. Di samping itu, anda boleh melawat laman web Etika kami di https://ethics.gxo.com yang membolehkan anda mencari pilihan pelaporan alternatif. Kebimbangan anda boleh dilaporkan secara tanpa nama, melainkan jika dilarang oleh undang-undang tempatan yang berkaitan.

Maklumat tambahan dan bimbingan tentang Dasar ini boleh diperoleh daripada Pejabat Etika dan Pematuhan di ethics@gxo.com. Walau apa pun kewajipan untuk melindungi dan tidak mendedahkan maklumat sulit atau proprietari Syarikat yang dinyatakan di sini dan dalam dasar GXO lain, seseorang individu tidak akan bertanggungjawab dari segi jenayah atau sivil di bawah undang-undang rahsia perdagangan terhadap pendedahan rahsia perdagangan secara rahsia kepada pegawai kerajaan atau peguam apabila didedahkan semata-mata bagi tujuan pelaporan atau menyertai siasatan pelanggaran undang-undang yang disyaki. Di samping itu, pekerja yang memfailkan tuntutan mahkamah terhadap majikannya untuk tindakan balas terhadap pekerja yang melaporkan pelanggaran undang-undang yang disyaki boleh mendedahkan rahsia perdagangan kepada peguamnya dan dalam litigasi selagi maklumat rahsia perdagangan tersebut difailkan sebagai sulit.

6. Pengecualian Dasar

Sebarang pengecualian atau penyisihan daripada Dasar ini perlu diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Pematuhan Syarikat.

7. Kegagalan untuk Mematuhi

Kegagalan untuk mematuhi Dasar ini boleh menyebabkan akibat yang serius kepada Syarikat dan individu yang terlibat, termasuk pendakwaan sivil atau jenayah, denda dan kemungkinan hukuman penjara. Pelanggaran Dasar ini juga boleh mengakibatkan tindakan disiplin yang serius, termasuklah pemberhentian kerja.

©2021 GXO. Hak Cipta Terpelihara